

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademi 1997/98

YFP 304 - Penerbitan Filem

Februari 1998

Masa: 2 jam

ARAHAN KEPADA CALON:

*Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi 2 muka surat bercetak dan **EMPAT** soalan sebelum anda memulakan peperiksaan ini.*

Jawab TIGA (3) soalan. Soalan 1 diwajibkan. Semua jawapan mesti ditulis dalam Bahasa Malaysia.

Agihan markah bagi soalan diberikan di sudut sebelah kanan soalan berkenaan.

1.
 - a. "Filem dibentuk atau dirosakkan dalam proses penyuntingan". Adakah anda bersetuju? Jelaskan dengan memberi contoh yang sesuai
 - b. Terangkan unsur-unsur ("devices") penyuntingan visual dan bunyi bagi menghasilkan filem yang baik. Berikan contoh yang sesuai.

(40 markah)

2. Anda ditugaskan membuat penggambaran seorang lelaki tua sedang bercerita pengalaman lalunya di dalam studio. Anda mempunyai tiga buah lampu yang mempunyai keterangan

- a. 300 watt
- b. 500 watt
- c. 800 watt

Bagaimanakah teknik pencahayaan anda? Jawapan anda perlu berlandaskan "Three Point Lighting Technique".

(30 markah)

...2/-

3. Terangkan bagaimanakah penggambaran filem menggunakan teknik "triple take" beroperasi?

(30 markah)

4. Anda diminta menerbitkan tiga buah filem dokumentari pendek yang subjeknya adalah pilihan anda sendiri. Pilih tiga subjek dan tuliskan olahan skrip ("treatment") satu daripada ketiga-tiga subjek tersebut.

(30 markah)

-oooOooo-